



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT LG,G,1,3,4
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 2658
Talian Bebas Tol : 1-800-88-2624
URL : <https://ptg.selangor.gov.my>
E-mail : ptgs@selangor.gov.my



Ruj. Kami: Bil. (41)PTG/BPH/SEL10/31/99 Jld.29

Tarikh : 30 September 2021

23 Safar 1443H

Setiausaha
Badan Peguam Malaysia
Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

Tuan,

PER: PERMOHONAN PENGECUALIAN DARIPADA DENDA, LANJUTAN MASA, KEUTAMAAN JANJI TEMU DAN PERKARA LAIN BERKAITAN DENGAN URUSAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)/ PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat tuan Bil. BC/PA/CPC/112/2021 bertarikh 16 Julai 2021 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman pihak tuan, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) menyambut baik sebarang cadangan penambahbaikan daripada Badan Peguam Malaysia dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan pentadbiran tanah negeri Selangor dari semasa ke semasa. Pentadbiran ini telah meneliti cadangan-cadangan yang dikemukakan dan bersama-sama ini dikemukakan maklum balas terhadap cadangan dan permohonan Badan Peguam Malaysia seperti di **Lampiran**.

3. Selain itu, cadangan-cadangan ini juga akan dimajukan kepada semua Pentadbir Tanah bagi memastikan keseragaman dalam urusan pentadbiran tanah di negeri Selangor. Pentadbiran ini juga berharap kerjasama antara PTGS dan Badan Peguam Malaysia akan terus terjalin di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(YUSRI BIN ZAKARIAH) s.m.s
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

PER: PERMOHONAN PENGECUALIAN DARIPADA DENDA, LANJUTAN MASA, KEUTAMAAN JANJI TEMU DAN PERKARA LAIN BERKAITAN DENGAN URUSAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)/ PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

s.k:

Ketua Pengarah
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Aras 4, Podium 1, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 Putrajaya

Selangor BAR Committee
No. 41, Jalan Bola Jaring 13/15
Seksyen 13
40100 Shah Alam, Selangor

Kuala Lumpur Bar Committee
Unit 4.02, Level 4
Wisma badan Peguam Malaysia
2 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur

Timbalan Pengarah (Pengurusan)
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Timbalan Pengarah (Pendaftaran)
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

PER: PERMOHONAN PENGECUALIAN DARIPADA DENDA, LANJUTAN MASA, KEUTAMAAN JANJI TEMU DAN PERKARA LAIN BERKAITAN DENGAN URUSAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)/ PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

BIL.	CADANGAN DAN PERMOHONAN DARI BAR COUNCIL	MAKLUM BALAS PTGS
1.	<p>Sekiranya pejabat tanah tidak beroperasi (sama ada sepenuhnya atau separuh) dalam tempoh PKP atau PKPD, kami memohon agar pengecualian-pengecualian diberikan secara automatik untuk pelbagai urusan dan urusanniaga di pejabat pendaftar, pejabat tanah daerah seperti tersebut:</p> <p>(i) Pengecualian daripada penalti pendaftaran sekiranya tarikh perserahan luput semasa PKP/PKPD.</p>	<p>PTGS memberikan pengecualian denda lewat suratcara urusanniaga yang mana tarikh penyaksian bermula 1 Mac 2021 sehingga tamat tempoh PKP Penuh (<i>Full Lockdown</i>) atau pemakluman dari semasa ke semasa. Selain daripada tarikh penyaksian yang dinyatakan tiada sebarang pengecualian denda lewat diberikan. Mana-mana dokumen yang telah membuat bayaran dalam tempoh pengecualian denda lewat tersebut, dokumen perlu diserahkan dalam masa 30 Hari dari tarikh bayaran dibuat. Mana-mana dokumen yang gagal diserahkan dalam tempoh tersebut denda lewat akan dikenakan tanpa sebarang pengecualian.</p>
	<p>(ii) Pengecualian denda lewat bagi kutipan hakmilik,</p>	<p>Pengecualian denda lewat bagi kutipan hakmilik telah diberikan bagi tarikh perserahan bermula 4 Mei 2021 sehingga 31 Ogos 2021. Pemakluman bagi tujuan pungutan akan dimaklumkan melalui e-mel sahaja. Bagi mana-mana firma atau penyerah yang telah menerima e-mel pungutan dan tidak hadir pada tarikh yang ditetapkan, maka denda lewat pungut akan dikenakan.</p>

BIL.	CADANGAN DAN PERMOHONAN DARI BAR COUNCIL	MAKLUM BALAS PTGS
	(iii) Tempoh sah laku carian rasmi yang luput dalam tempoh PKP/PKPD untuk tujuan permohonan kebenaran pindahmilik, gadaian atau pajakan dilanjutkan selama 90 hari daripada tarikh luput.	Perkara ini akan diselaraskan dengan semua Pentadbir Tanah. Walau bagaimanapun, tempoh luput yang terlalu lama seperti yang dicadangkan ini dibimbangi akan berlaku transaksi dalam tempoh tersebut.
	(iv) Surat kebenaran pindahmilik, gadaian, pajakan yang luput dalam tempoh PKP/PKPD dilanjutkan selama 90 hari daripada tempoh luput surat tersebut.	Cadangan ini akan dipanjangkan kepada semua Pentadbir Tanah. Bagi PTGS, Surat Kebenaran Pindahmilik Warganegara Asing yang tamat tempoh mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Ogos 2021 telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021. Manakala Salinan Diakui Sah (CTC) Blanket Consent yang tamat tempoh semasa PKPD Bersasar Negeri Selangor (3 – 16 Julai 2021) telah dilanjutkan sehingga 31 Oktober 2021.
	(v) Kesemua lelongan awam dan siasatan hakmilik hilang dibenarkan untuk ditangguh dan diberikan tarikh baharu oleh pejabat pendaftar pejabat tanah daerah.	Cadangan ini akan dipanjangkan kepada semua Pentadbir Tanah.
	(vi) Permohonan di bawah Akta Harta Pusaka Kecil 1955 yang ditangguhkan diberi tarikh bicara yang lebih awal.	Cadangan ini di bawah bidang kuasa JKPTG
2.	Kami berharap agar e-tanah dapat dilaksanakan dengan kadar segera supaya urusan seperti carian hakmilik (persendirian dan rasmi) boleh dilakukan atas talian dalam apa jua keadaan sama ada dalam tempoh PKP/PKPD.	Sistem e-tanah adalah satu inisiatif Kerajaan Persekutuan di dalam memodenkan pengurusan dan pentadbiran tanah negara. Pada ketika ini satu perjanjian antara tiga (3) pihak iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan syarikat yang dilantik akan ditandatangani setelah draf perjanjian dimuktamadkan oleh pihak KETSA. Draf perjanjian ini dijangka akan ditandatangani pada bulan Oktober 2021 dan sistem etanah akan go live pada tahun 2024.

BIL.	CADANGAN DAN PERMOHONAN DARI BAR COUNCIL	MAKLUM BALAS PTGS
		Buat masa ini, carian persendirian hakmilik strata boleh dicetak secara dalam talian manakala bagi hakmilik tanah, carian persendirian dikirim melalui e-mel kepada pemohon tanpa perlu hadir ke PTGS.